

Biar Bayang-Bayang Berbicara: Episod Wayang Kulit Gedek.

Nur Aimi Nadia Hamzah¹, Nurul Syahirah Mohd Najeeb², Ap-Azli Bunawan³, Jafalizan Md Jali⁴

¹ Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; aminadiao21@gmail.com

² Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; nurulsyahirah4766@gmail.com

³ Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; ap-azli@uitm.edu.my;  0000-0003-2059-9797

⁴ Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; jafalizan@uitm.edu.my;  0009-0009-7236-9863

Correspondence: ap-azli@uitm.edu.my; +6012777 5892.

Abstrak: Wayang Kulit Gedek berasal daripada Thailand. Wayang kulit ini kurang diketahui orang ramai tentang kewujudannya. Kajian yang kami jalankan mengenai semua aspek Wayang Kulit Gedek iaitu dari asal-usulnya, teknik-teknik pembuatan patung, sehingga cara wayang kulit dipersembah. Dalam kajian kes ini, kami telah menemu bual dua orang tokoh yang sangat berpengalaman dalam warisan seni Wayang Kulit Gedek. Temubual ini telah dijalankan oleh saudari Nur Aimi Nadia Binti Hamzah dan saudari Nurul Syahirah Binti Mohd Najeeb dengan Encik Azhar bin Rusli dan Encik Norizan Bin Abdullah. Temubual pertama adalah dengan Encik Azhar Bin Rusli. Temubual ini dijalankan di tempat kediaman beliau di Hadapan Sek Keb Jelempek, 02600 Arau, Perlis pada hari khamis, 7 November 2024 pada jam 11.50 pagi hingga 2 petang. Beliau telah bergiat aktif dalam warisan seni ini sejak dari kecil lagi. Tambahan lagi, beliau mempunyai kumpulan Wayang Kulit Gedek di tempat beliau dan telah membuat persembahan seni ini di merata tempat di dalam dan luar negara. Selain itu, temubual ini membahaskan tentang asal-usul Wayang Kulit Gedek dan ke semua aspek Wayang Kulit Gedek dengan lebih mendalam. Seterusnya, temubual kedua pula adalah dengan Encik Norizan Bin Abdullah. Beliau merupakan kenalan rapat Encik Azhar Bin Rusli dan bergiat aktif dalam warisan seni ini sejak tiga puluh tahun lalu. Temubual ini dijalankan secara dalam talian pada hari jumaat, 10 Januari 2025 pada jam 5.50 petang hingga 6.39 petang. Temubual ini dijalankan untuk menguatkan kesahihan temubual sebelumnya dan mendapatkan maklumat tambahan tentang Wayang Kulit gedek ini. Beliau memberikan maklumat yang sama seperti Encik Azhar Bin Rusli.

Kata kunci: Wayang kulit, Patung, Bayang-bayang, Warisa Seni, Gedek

DOI: 10.5281/zenodo.15003275



Copyright: © 2025 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Suatu ketika dahulu, wayang kulit merupakan salah satu kesenian budaya yang terkenal dalam kalangan masyarakat. Hal ini demikian kerana ia kaya dengan nilai budaya dan sejarah. Menurut Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (PNMK) (2020), wayang kulit ialah satu bentuk persembahan yang menggunakan unsur cahaya dan bayangan. Terdapat beberapa jenis wayang kulit

yang dikenali di negara kita iaitu Wayang Kulit Kelantan, Wayang Kulit Purwo, Wayang Kulit Melayu, dan Wayang Kulit Gedek. Walau bagaimanapun, wayang kulit ini jarang diketahui oleh generasi masa kini. Salah satu warisan seni tradisional yang semakin dilupakan adalah Wayang Kulit Gedek. Perkataan 'Gedek' dalam wayang kulit ini bermaksud pergerakan melantun watak permainan bayang seperti dalam bahasa Melayu dialek Kedah iaitu 'segar' yang bermaksud keterlaluan terutamanya dalam konteks pergerakan kepada watak di atas pentas dalam seni Wayang Kulit Gedek ini. Selain itu, Wayang Kulit Gedek ini sangat terkenal di negeri utara Semenanjung Malaysia iaitu Kedah. Hal ini disebabkan, identiti wayang kulit ini banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur dari negara seberang, iaitu Thailand. Pengaruh yang paling ketara dapat dilihat dalam wayang kulit ini adalah dari aspek penceritaan dan pembawaan watak, rekaan pakaian yang dimainkan watak, dan penggunaan dialek. Menurut Mari Kusbiyanto (2015), warisan budaya boleh berkembang dengan luas sekiranya mempunyai pengamal yang akan meneruskan warisan itu, mempunyai masyarakat yang cintakan budaya dan kerajaan yang melindungi serta menggalakkan persembahan kebudayaan seperti peribahasa Melayu ada menyatakan bahawa "tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas". Peribahasa ini menggambarkan bahawa warisan budaya seni harus dipelihara agar tetap utuh dan diingati oleh masyarakat di Malaysia khususnya generasi muda.

Seterusnya, seni wayang kulit ini tidak terhad kepada sesuatu golongan itu sahaja. Wayang kulit Gedek ini boleh dipelajari tidak kira dari pelbagai jenis golongan, iaitu golongan muda dan golongan tua. Walau bagaimanapun, proses pembuatan alat muzik dan watak dalam wayang kulit ini kebiasaannya melibatkan generasi tua yang menurunkan ilmunya kepada generasi muda. Proses ini selalunya tepat dan memerlukan penguasaan kemahiran yang cukup untuk dilaksanakan. Namun begitu, pengenalan dan didikan awal tentang warisan seni budaya ini perlu diterapkan sejak di usia dini lagi seperti peribahasa Melayu iaitu "melentur buluh biarlah dari rebunginya", supaya mereka mengenal dan menghargai warisan yang bernilai ini. Di samping itu, Wayang Kulit Gedek ini juga berperanan sebagai medium kritikan sosial. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam persembahan itu, Tok Dalang akan menyelitkan mesej-mesej yang berbaur seperti nasihat, ikhtibar, dan pengajaran terhadap isu-isu sosial seperti rasuah, jenayah, keganasan rumah tangga, dan lain-lain lagi. Menurut Febri Muttamakin Billah (2024), persembahan wayang kulit kebiasaannya mengandungi isi-isi tersirat dan kritikan terhadap masalah sosial yang ingin disampaikan.

Akhir sekali, Wayang Kulit Gedek ini mempunyai potensi untuk berevolusi dan berkembang dari semasa ke semasa jika warisan seni ini dipelajari oleh semua golongan terutamanya generasi muda. Dengan adanya wayang kulit ini, orang luar boleh mengenali warisan seni yang ada di Malaysia dan memberikan perspektif unik lain yang wujud di negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana walaupun negara luar lain mempunyai pelbagai daya tarikan dan hiburan, negara kita juga mempunyai daya tarikan dan hiburan tersendiri serta ini menjadikan negara kita istimewa, seperti peribahasa "hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri". Dalam fasa era globalisasi masa kini, pemeliharaan Wayang Kulit Gedek adalah tanggungjawab bersama semua anggota masyarakat termasuk kerajaan dan institusi pendidikan. Oleh kerana itu, menjaga warisan wayang kulit ini bukan semata-mata menjaga seni, tetapi juga menjaga dan memelihara nilai-nilai yang ada di dalamnya. Usaha ini menjadi salah satu langkah strategi agar bukan sahaja warisan seni ini boleh dinikmati pada masa kini, tetapi juga dapat diwarisi kepada generasi akan datang pada tahun-tahun akan datang malah dapat mengekalkan identiti sesebuah negara.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Wayang Kulit Gedek merupakan satu bentuk warisan seni yang popular dalam masyarakat Melayu walau bagaimanapun, terdapat beberapa permasalahan yang dikaji dalam kajian Wayang Kulit Gedek ini. Pertama, kekurangan pengamal seni baharu. Kedua, kepupusan seni tradisional, dan ketiga ialah kurang penyelidikan dan dokumentasi tentang Wayang Kulit Gedek. Permasalahan-permasalahan ini saling berkaitan dan ini akan memberi kesan terhadap bangsa dan negara.

Pertama sekali, kekurangan pengamal seni baharu. Hal ini merujuk situasi di mana golongan muda mendapati diri mereka tidak mengambil bahagian secara aktif dalam wayang kulit ini. Perkara ini terjadi disebabkan kurangnya pendedahan tentang warisan seni ini atau tiada sokongan daripada institusi pendidikan. Tanpa pengamal seni baharu, Wayang Kulit Gedek ini mungkin akan dilupakan. Hal ini kerana golongan muda yang tidak didedahkan secara mendalam tentang warisan seni ini menyebabkan mereka kurang berminat untuk meneruskannya. Kesannya, identiti budaya yang merupakan lambing kebanggaan dan perpaduan masyarakat perlahan-lahan akan pudar.

Seterusnya, kepupusan seni tradisional terjadi akibat seni tersebut tidak lagi dipraktikkan dalam kalangan masyarakat. Hal ini mengakibatkan banyak cerita dan teknik yang merupakan sebahagian daripada warisan budaya pudar. Contohnya, penggambaran watak wayang kulit tersebut, peranan alat muzik, penceritaan yang dibawa, dan lain-lain lagi. Sekiranya tiada pengamalan Wayang Kulit Gedek ini, warisan seni ini akan menjadi semakin asing kepada masyarakat.

Akhir sekali, kurang penyelidikan dan dokumentasi. Hal ini merujuk kepada kurang pendokumentasian yang mendalam tentang Wayang Kulit Gedek ini. Tanpa dokumentasi yang teratur dan lengkap, pelbagai elemen, cerita, dan watak yang dimainkan semasa pertunjukkan Wayang Kulit Gedek ini berpotensi akan hilang. Seterusnya, perkara ini akan menyebabkan penyebaran tentang warisan seni ini terhalang. Tambahan pula, jika terdapat sumber yang pelbagai tentang Wayang Kulit Gedek ini akan menyebabkan asal-usul warisan seni ini tidak tepat dan kemungkinan hanya rekaan kerana berlaku pertindihan dan pencampuran maklumat.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif kajian dalam kajian ini. Pertama, mengkaji asal usul dan sejarah Wayang Kulit Gedek. Asal usul dan sejarah Wayang Kulit Gedek dikaji melalui pengumpulan dan analisa tentang data yang berkaitan iaitu sejarah awal, asal usul, pengaruh budaya dan tradisi yang membentuk seni kebudayaan ini. Objektif ini memainkan peranan yang penting agar kajian ini dapat difahami dengan lebih lanjut.

Seterusnya, mendokumentasikan proses pembuatan dan persembahan patung wayang kulit. Pendokumentasian ini menggambarkan langkah-langkah dalam pembuatan patung wayang kulit, bahan-bahan yang diguna bagi penghasilan tersebut dan teknik yang diterapkan. Proses persembahan Wayang Kulit Gedek akan dicatat termasuk teknik penceritaan, muzik dan interaksi yang berkaitan.

Akhir sekali, menganalisis kepentingan dan impak wayang kulit sebagai sebahagian daripada warisan tradisional Malaysia terhadap masyarakat dan negara. Nilai budaya dan sosial Wayang Kulit Gedek dikaji bagi melihat peranan warisan seni ini dalam aspek pendidikan dan pencapaian moral.

4. PERSOALAN KAJIAN

- I. Apakah sejarah dan asal usul Wayang Kulit Gedek?
- II. Bagaimanakah proses pembuatan dan persembahan patung wayang kulit dilakukan?
- III. Apakah impak dan kepentingan wayang kulit untuk masyarakat terdahulu dan sekarang?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Warisan budaya dan seni adalah khazanah yang sangat bernilai di setiap negara. Hal ini kerana ia mencerminkan identiti dan sejarah sesebuah negara itu. Sebagai contoh, Wayang Kulit Gedek yang merupakan sebahagian daripada seni persembahan tradisional Kedah, mempunyai beberapa kepentingan terhadap masyarakat dan negara.

Kepentingan yang pertama adalah sebagai panduan untuk pengajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana Wayang Kulit Gedek ini mempunyai keunikannya yang tersendiri dan boleh dipelajari oleh semua golongan usia. Ilmu ini sangat bernilai bagi pencinta seni tradisional. Contohnya, mereka yang mempelajari warisan seni ini dapat mengetahui tentang proses pembuatan Wayang Kulit Gedek. Penghasilan buku teks dan bahan rujukan berilmiah tentang warisan seni ini dapat memastikan kesinambungan warisan seni ini di masa akan datang.

Kepentingan yang seterusnya adalah sebagai sumber pengetahuan dan rujukan. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap penceritaan dalam Wayang Kulit Gedek ini memberikan mesej dan isi cerita yang berilmiah. Ini dapat dijadikan sebagai sumber rujukan dan pengetahuan bagi pengkaji. Penyelidikan yang berfokus dan sistematik serta terperinci tentang Wayang kulit Gedek ini dapat berfungsi sebagai rujukan yang boleh dipercayai dalam pelbagai bidang akademik.

Kepentingan yang selanjutnya adalah dapat mempromosikan budaya tempatan kepada negara luar. Wayang Kulit Gedek ini mampu berkembang ke serata dunia jika warisan seni tradisional ini terus dipelajari terutamanya generasi muda. Hal ini akan menyebabkan pelancong luar memandang tinggi terhadap negara kita kerana masih mengekalkan warisan budaya ini dan membuatkan mereka semakin berminat untuk mengenal dengan lebih mendalam tentang kepelbagaian warisan budaya di Malaysia.

Kepentingan yang terakhir adalah dapat mengekalkan identiti bangsa dan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap warisan seni dan budaya di negara kita mempunyai asal-usul dan sejarahnya. Jika kita tidak memeliharanya, kita akan kehilangan sesuatu yang sangat bernilai dan ini akan menyebabkan sesuatu bangsa atau negara itu tidak dikenali kerana tiada lagi warisan seni budaya yang bernilai.

6. TINJAUAN LITERATUR

a) Online Finding Aids (OFA)

Melalui tinjauan yang telah dibuat di dalam OFA, terdapat tiga belas bahan rujukan mengenai Wayang Kulit Gedek. Bahan rujukan tersebut termasuklah dua dokumen dan sebelas gambar patung wayang kulit yang telah difoto. Menurut Jabatan Arkib Negara Malaysia (1991), gambar tersebut menunjukkan diambil semasa 'Malam Mesra Kelab Arkib 1989/1990' yang bertempat di Kuala Lumpur.

b) Laman Web Rasmi

Menurut Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (2024), laman web ini menyatakan pengenalan mengenai Wayang Kulit Gedek yang merupakan salah satu seni persembahan tradisional yang terkenal di Malaysia, khususnya di negeri Kedah dan Perlis.. Wayang Kulit Gedek bukanlah hanya sebagai hiburan semata-mata tetapi, dianggap sebagai budaya dan warisan yang penting yang wajar diketahui oleh masyarakat khasnya generasi muda agar seni wayang kulit ini terus diamati dan dihargai.

c) Youtube

Melalui saluran Youtube Cawangan RnD JKKN (2021), video memaparkan proses dan penerangan tentang pembuatan patung wayang kulit ditunjukkan. Proses pembuatan patung wayang kulit melibatkan kreativiti dan kemahiran dan memerlukan fokus. Prosesnya termasuk penggunaan kulit lembu, lukisan, dan pewarna. Setiap watak wayang kulit mempunyai identiti dan estetika tersendiri. Patung yang telah selesai disiapkan kemudian akan digunakan dalam pementasan wayang kulit.

d) Artikel

Melalui pencarian yang dibuat di Google Scholar, terdapat artikel bertajuk 'Wayang Kulit Gedek' yang memfokuskan tentang aspek persembahan dalam wayang kulit ini. Selain itu, ia membahaskan tentang muzik-muzik yang digunakan di dalam wayang kulit dengan lebih mendalam. Menurut Tajuddin (2007), kesenian mengenai wayang kulit tidak patut dipinggirkan dan pencampuran antara kaum yang berbilang bangsa dapat menghasilkan budaya yang unik dan menarik.

e) Blog

Menurut Nordin (2024), Wayang kulit ini merupakan salah satu seni tradisional yang tertua di Asia Tenggara dan pada mulanya berkembang di Selatan Siam, Selatan Myanmar, Utara Sumatra dan Utara Semenanjung iaitu Kedah dan Perlis. Penulis menyatakan erti gedek dan menerangkan tentang perbezaan antara wayang kulit di Kelantan dan Jawa. Perbezaan yang paling ketara adalah dari segi penggunaan loghat bahasa. Nama-nama patung wayang kulit gedek dikekalkan namun, bentuk patung tersebut dimodenkan bersesuaian dengan faktor suasana tempat dan masyarakat.

f) Akhbar

Terdapat satu keratan akhbar iaitu Harian Metro mengenai Wayang kulit Gedek. Keratan akhbar ini menerangkan betapa pentingnya warisan seni terhadap negara kita.

Menurut Amir (2015), persembahan Wayang Kulit Gedek merupakan hiburan masyarakat tempatan dan menyatukan masyarakat yang berbilang kaum. Selain itu, persembahan wayang kulit ini perlu berpandukan kepada dalang. Hal ini disebabkan dalang merupakan orang utama yang akan menggerakkan persembahan ini.

g) Cakera Padat (CD)

CD ini mengenai Wayang Kulit Seri Asun Sinar Bulan Cahaya iaitu mengenai pengasas Wayang Kulit Gedek. Wayang Kulit Gedek pernah mencapai populariti yang tinggi, bukan sahaja di kampung halaman beliau tetapi juga di luar kawasan, termasuk di peringkat antarabangsa (Billah, 2024). Beliau menjelaskan bahawa kumpulannya sering menerima jemputan membuat persembahan, kadangkala hampir setiap malam. Namun, sambutan daripada masyarakat setempat adalah tidak memberangsangkan.

h) Kajian Kes

Terdapat kajian kes mengenai Wayang Kulit Gedek telah dijalankan oleh USM (Universiti Sains Malaysia). Kajian kes ini memfokuskan tentang teknik-teknik Wayang Kulit Gedek dipersembahkan. Menurut Boon (2007), persembahan wayang kulit sering diadakan jika terdapat majlis-majlis keramaian.

i) Pangkalan Data dalam Talian

Melalui pencarian di “online database”, terdapat dokumen mengenai Wayang Kulit Gedek. Wayang kulit jenis ini menggunakan boneka kulit kecil diimport dari Nang Talung, Thailand Selatan. Bentuk seni ini diadaptasi untuk masyarakat di Malaysia dengan trend pengubahsuaian dan pengubahsuaian yang berterusan untuk memenuhi cita rasa dan tahap yang berbeza dalam masyarakat Malaysia tetapi sentiasa mengekalkan ciri-ciri asal dan unsur-unsur tradisional (Uehara, 2016).

j) Media Sosial

Terdapat video mengenai Wayang Kulit Gedek di Facebook. Video tersebut memaparkan tentang persembahan patung wayang kulit. Menurut Novriananda (2020), pembuatan patung wayang kulit memerlukan ketelitian yang tinggi. Selain itu, video ini juga menerangkan tentang Nong Talung yang mempengaruhi isi cerita dan patung Wayang Kulit Gedek dari segi ukiran, pakaian dan perhiasan.

7. METODOLOGI

Metodologi kajian mengenai Wayang Kulit Gedek akan menggunakan pendekatan secara temu bual untuk mendapatkan pandangan yang komprehensif mengenai seni budaya ini. Pertama, kajian literatur akan dilakukan untuk mengumpulkan maklumat daripada sumber-sumber tertulis seperti buku, artikel, dan dokumen sejarah yang berkaitan dengan Wayang Kulit Gedek. Seterusnya, temubual akan dilakukan dengan penggiat seni untuk mendapatkan maklumat latar belakang dan asal usul Wayang Kulit Gedek serta mendapatkan pandangan mendalam tentang proses pembuatan dan persembahan seni ini. Soalan temubual akan dirancang secara terbuka untuk membuka ruang agar responden berkongsi pengalaman dan pandangan beliau dengan lebih terbuka dan meluas. Selain itu, pemerhatian partisipatif akan diadakan dengan menghadiri persembahan Wayang Kulit

Gedek dan, jika mungkin, terlibat dalam proses pembuatan patung wayang kulit. Pendekatan ini akan dianalisis untuk mengenal pasti tema dan pola topik kajian ini. Selain itu, pengambilan gambar dan video semasa proses pembuatan dan persembahan akan dilakukan untuk mendokumentasikan elemen seni yang terlibat. Akhir sekali, hasil kajian akan disusun dalam bentuk laporan yang merangkumi latar belakang, metodologi, analisis data, dan kesimpulan.

a. Kajian Literatur

Mengumpul dan menganalisis sumber-sumber tertulis yang berkaitan dengan sejarah, teknik, dan kepentingan Wayang Kulit Gedek. Ini termasuk buku, artikel jurnal, tesis, dan dokumen sejarah.

b. Temubual

Melakukan temubual dengan penggiat seni, pengrajin, dan pencerita Wayang Kulit Gedek. Temubual ini boleh memberikan pandangan mendalam tentang proses pembuatan, persembahan, dan nilai-nilai yang terkandung dalam seni ini. Selain itu, menggunakan soalan terbuka untuk membolehkan responden berkongsi pengalaman dan pandangan mereka secara terperinci.

Pendekatan Kajian

Pendekatan ini akan menekankan pemahaman mendalam terhadap pengalaman dan perspektif individu yang terlibat dalam Wayang Kulit Gedek. Melalui temubual dengan penggiat seni, pencerita, dan pengrajin, kajian ini akan menggali aspek-aspek seperti proses kreatif, teknik penceritaan, dan cabaran yang dihadapi dalam memelihara seni ini. Pemerhatian partisipatif semasa persembahan juga akan memberikan konteks yang lebih luas tentang interaksi antara pelakon dan penonton serta elemen budaya yang terlibat. Data kualitatif ini akan dianalisis untuk mengenal pasti tema dan pola yang relevan, memberikan wawasan tentang nilai dan makna yang terkandung dalam Wayang Kulit Gedek.

Peserta Kajian

Tokoh dipilih berdasarkan pengalaman. Tokoh ini telah bergiat aktif dalam seni Wayang Kulit Gedek sejak dari kecil. Pengalaman yang banyak menjadikan beliau mempunyai kemahiran yang tinggi dalam pementasan Wayang Kulit Gedek ini. Selain itu, beliau juga berpengetahuan tentang Warisan Kulit Gedek.

8. HASIL KAJIAN

Kajian mengenai Wayang Kulit Gedek mendapati bahawa seni persembahan tradisional ini memiliki ciri-ciri unik yang membezakannya dengan wayang kulit yang lain. Persembahan wayang kulit merupakan medium kritikan sosial, di mana Tok Dalang memainkan peranan dalam menyampaikan mesej tersirat tentang isu-isu semasa seperti pergaulan bebas dan kes rasuah. Selain itu, watak-watak dalam Wayang Kulit Gedek direka dengan identiti tersendiri, menjadikannya sebuah seni yang sarat dengan nilai budaya dan moral.

Namun begitu, Wayang Kulit Gedek menghadapi beberapa cabaran. Salah satunya ialah kekurangan pengamal seni baharu. Golongan muda pada masa ini kurang berminat untuk melibatkan diri dalam seni ini kerana kurang pendedahan dan sokongan daripada institusi pendidikan. Kepupusan seni tradisional ini semakin ketara akibat kurangnya amalan dan penyampaian kepada generasi seterusnya. Di samping itu, pendokumentasian mengenai topik wayang kulit adalah terhad dan secara tidak langsung menyumbang kepada kelemahan dalam memastikan elemen-elemen seni Wayang Kulit Gedek seperti cerita, teknik persembahan, dan penggunaan alat muzik dapat diwarisi.

Walaupun begitu, Wayang Kulit Gedek tetap mempunyai kepentingan besar kepada masyarakat dan negara. Seni ini bukan sahaja menjadi medium pengajaran, malah turut berfungsi sebagai sumber pengetahuan dan rujukan akademik. Penceritaan dalam persembahan ini sering kali memuatkan mesej berilmiah dan nilai moral yang sesuai untuk semua peringkat umur. Wayang Kulit Gedek juga berpotensi mempromosikan budaya tempatan di peringkat antarabangsa, sekali gus mengukuhkan identiti Malaysia sebagai negara yang kaya dengan seni dan budaya.

Dengan penglibatan aktif generasi muda serta sokongan daripada institusi kebudayaan dan kerajaan, Wayang Kulit Gedek mempunyai peluang untuk terus berkembang. Seni ini bukan sekadar hiburan semata-mata, tetapi juga simbol kekayaan warisan seni dan budaya negara. Kajian ini menekankan pentingnya usaha pemeliharaan seni Wayang Kulit Gedek untuk memastikan ia terus relevan di era globalisasi, agar identiti dan sejarah budaya bangsa dapat dikekalkan untuk generasi akan datang.



Gambar 1: Encik Azhar Bin Ruslan

9. KESIMPULAN

Kesimpulannya, Wayang Kulit Gedek merupakan wayang kulit yang mempunyai unsur kebudayaan yang berasal dari negara Thailand. Wayang Kulit Gedek juga menunjukkan bahawa warisan seni ini bukan sahaja merupakan platform sebagai hiburan, tetapi juga mengandungi nilai budaya, sejarah, dan sosial yang mendalam. Kajian ini mendapati bahawa pengaruh agama, mitos, dan budaya masyarakat tempatan memainkan peranan yang penting dalam membentuk identiti Wayang Kulit Gedek ini. Dalam konteks dunia yang global dan lebih terbuka kepada pengaruh luar, persembahan wayang kulit ini berfungsi sebagai peringatan tentang betapa pentingnya untuk memelihara setiap warisan dan budaya negara kita sambil beradaptasi dengan dunia moden sekarang agar negara kita tidak kehilangan identiti sebagai negara yang kaya dengan pelbagai warisan seni dan budaya. Dengan membangkitkan isu-isu seperti keadilan, persahabatan, cabaran hidup, dan masalah sosial, Wayang Kulit Gedek ini berfungsi sebagai medium untuk penonton menerima kritikan dan kesedaran sosial yang seterusnya membantu dalam mengekalkan identiti budaya pada zaman globalisasi ini.

Acknowledgments: We would like to express our deepest appreciation to all those involved in making this case study and research a success. First of all, we would like to express our deepest appreciation and gratitude to Mr. Jafalzan, an oral history lecturer who has provided useful guidance and input from beginning to end. Without him, we would not have been able to complete this study successfully. Next, we would like to express our deepest appreciation to our parents for always supporting us by providing mental support throughout this research. We would also like to express our deepest appreciation to Encik Azhar Bin Ruslan, our first figure, for willing to take the time to be interviewed. He also has experience in Wayang Kulit Gedek since he was a child. The information he shared is very valuable as a reference for future generations. Next, we would like to express our deepest appreciation to our second figure, En Norizan Bin Abdullah, for willing to share his experiences and provide additional information about Wayang Kulit Gedek. All the input he provided was very useful and further strengthened the statement about Wayang Kulit Gedek. Finally, we would like to express our gratitude to our classmates who also helped in completing this case study and research on Wayang Kulit Gedek.

RUJUKAN

- Am Tv Malaysia. (2020, June 11). *Kompilasi Gelagat Etong Dan Pak Tam Dalam Wayang Kulit Seri Asun*. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=kiBP67mU6mg>
- Billah, M. (2024). Kesenian Wayang Kulit Sebagai Kritik Sosial Melalui Tokoh Bagong Dalam Pementasan Dalang Ki Seno Nugroho - Institutional Repository UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta. *Uin-Suka.ac.id*. https://digilib.uin-suka.ac.id/id/eprint/66376/1/17107020013_BAB-I_IV-atau-V_DAFTAR-PUSTAKA.pdf
- Boon, J. (2007) *Wayang Kulit Gedek Di Negeri Kedah Darul Aman Satu Kajian Struktur Persembahan* universiti Sains Malaysia (2007). https://eprints.usm.my/9602/1/WAYANG_KULIT_GEDEK.pdf
- Facebook. (2023). Facebook.com <https://www.facebook.com/photo.php?fbid=453272461003221&id=100089614134553&set=a.115518498111954>
- Ismail, M. (2023, March 31). *Merungkai Punca Warisan Wayang Kulit Semakin Dilupakan*. Dewan Budaya. <https://dewanbudaya.jendeladb.my/2023/04/01/5195/>
- Online Finding Aids - Kandungan Bahan. (2025). Arkib.gov.my. <https://ofa.arkib.gov.my/ofa/digital/asset/877568>
- Performance Practice, Music, And Innovations In Wayang Kulit Gedek In Kedah Aki Uehara* Universiti Sains Malaysia 2008. (N.D.). http://eprints.usm.my/8974/1/PERFORMANCE_PRACTICE%2C_MUSIC_AND_INNOVATIONS_IN.pdf
- Perincian Seni Budaya. (2024). Jkkn.gov.my. <https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/senibudaya/detail/688/pengenalan>
- Setiawan, E. (2020). Makna Nilai Filosofi Wayang Kulit Sebagai Media Dakwah. *Jurnal Al-Hikmah*, 18(1), 37–56. <https://doi.org/10.35719/alhikmah.v18i1.21>

Tajuddin, A. (2025). Wayang Kulit Gedek / Noorul Izwarni Ahmad Tajuddin - UiTM Institutional Repository. [Uitm.edu.my. https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/40472/1/40472.pdf](https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/40472/1/40472.pdf)

Uehara, A. (2016). Performance Practice, Music and Innovations in Wayang Kulit Gedek in Kedah / Aki Uehara - Repositori Khazanah Melayu. [Uitm.edu.my. https://doi.org/Uehara,%20Aki%20\(2008\)%20Performance%20Practice,%20Music%20and%20nnovations%20in%20Wayang%20Kulit%20Gedek%20in%20Kedah%20/%20Aki%20Uehara.%20%20Masters%20thes is,%20Unive rsiti%20Sains%20Malaysia](https://doi.org/Uehara,%20Aki%20(2008)%20Performance%20Practice,%20Music%20and%20nnovations%20in%20Wayang%20Kulit%20Gedek%20in%20Kedah%20/%20Aki%20Uehara.%20%20Masters%20thes is,%20Unive rsiti%20Sains%20Malaysia) .

User, S. (n.d.). *Pengenalan*. Muzium.kelantan.gov.my. <https://muzium.kelantan.gov.my/index.php/ms/warisan/wayang-kulit/pengenalan>

Wayang Gedek. (2012, November 9). Design + Research. <https://amienakarim.wordpress.com/research-3/research-2/sejarah/wayang-gedek/>

Wayang Kulit Gedek. (2024). Blogspot.com. <https://pengakapsmkkn.blogspot.com/2011/11/wayang-kulit-gedek.html>

Wayang Kulit Seri Asun - Sejarah Penubuhan. (2025). Memori-Kedah.com. https://www.memori-kedah.com/page_pengenalan.php?pageNum_Recordset1=0&totalRecords_Recordset1=1&p=2&idstopic=13&idskandungan=44&id=291&mtopic